

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pelajar yang mempunyai Diploma Vokasional Malaysia (DVM) boleh diterima sebagai pekerja di sektor awam dan apakah peluang pekerjaan bagi pemegang DVM dalam sektor awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bagi tujuan memartabatkan pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. TPV telah mengubah landskap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam menghasilkan graduan Kolej Vokasional (KV) yang berkualiti serta mempunyai kebolehpasaran kebolehkerjaan dan kebolehgajian yang tinggi. Menurut data kebolehpasaran graduan 2019, seramai 98.84% graduan lepasan KV bekerja dalam pelbagai bidang di sektor awam dan swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam aspek peluang pekerjaan sektor awam, graduan lulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) layak untuk memohon pekerjaan di sektor perkhidmatan awam bagi Gred 29, tertakluk kepada penetapan syarat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Program DVM yang telah

mendapat akreditasi penuh daripada *Malaysia Qualifications Agency* (MQA) adalah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sehubungan dengan itu, lepasan DVM yang layak boleh memohon pekerjaan yang diiklankan oleh SPA. Antara peluang pekerjaan bagi pemegang DVM dalam sektor awam adalah:

- a) Pemeriksa Kereta Motor
- b) Penolong Akauntan
- c) Penolong Juruaudit
- d) Penolong Pegawai Penyediaan Makanan
- e) Penolong Pegawai Rancangan Tanah
- f) Penolong Pengurus Taman/Ladang
- g) Penolong Jurutera ( Elektrik, Elektronik, Sistem & Rangkaian)
- h) Penolong Arkitek Landskap
- i) Penolong Pegawai Latihan Vokasional
- j) Penolong Pegawai Penguatkuasa
- k) Penolong Pegawai Pertahanan Awam
- l) Penolong Pegawai Teknologi Makanan
- m) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
- n) Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera
- o) Penolong Penguatkuasa Bomba
- p) Penolong Pengurus Asrama
- q) Penolong Pustakawan
- r) Setiausaha Pejabat

Sekian, terima kasih.